



A Cenviro Company 

Tiada pencemaran udara akibat kebakaran

Seremban: Tiada pencemaran udara dilaporkan selepas empat gudang penyimpanan bahan buangan berjadual milik Kualiti Alam Sdn Bhd, Sendayan, di sini, terbakar Jumaat lalu.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Sembilan, Norazam Khamis berkata, pihaknya dan Jabatan Alam Sekitar membuat pengukuran kualiti udara dan pemeriksaan terhadap kandungan gas sehingga kelmarin.

“Kami (bomba) meneruskan operasi dan pemantauan di lokasi kejadian. Setakat ini, tiada pencemaran berlaku dan tiada kandungan gas beracun.

“Api dikawal sepenuhnya petang Jumaat lalu. Pasukan bomba meneruskan operasi penyelenggaraan termasuk mengalihkan tong mengandungi bahan kimia ke kawasan lapang untuk tujuan pelupusan pihak Kualiti Alam sehingga jam 5 petang se-

malam (kelmarin),” katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, walaupun pihaknya menamatkan operasi, pemantauan berterusan perlu dilakukan syarikat berkenaan.

Difahamkan, empat gudang terbakar itu lokasi penerimaan bahan buangan berjadual dari industri, hospital, sekolah dan penempatan sebelum pengasingan dibuat.

Jurucakap Kualiti Alam Sdn Bhd berkata, pihaknya mengadakan pertemuan dengan 50 Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), ahli jawatankuasa dan penduduk di lima kampung di Sendayan, semalam.

“Lima kampung terbabit, Kampung Sendayan, Jimah Baru, Jimah Lama, Gadong Jaya dan Ladang Tanah Merah. Pertemuan itu bertujuan memberi penerangan mengenai kejadian kebakaran selain memberitahu keadaan selamat dan terkawal,” katanya.

Media : Harian Metro
Date : 2 March 2015